



KAUM DI MALAYSIA



Sinopsis

Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang hidup dengan harmoni. Unit ini membincangkan kepelbagaian kaum di Malaysia, petempatan dan kegiatan ekonomi, alat muzik, tarian, permainan serta cerita rakyat yang terdapat dalam masyarakat di negara kita.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Kepelbagaian kaum di Malaysia.
2. Petempatan serta kegiatan ekonomi masyarakat Malaysia dahulu dan kini.
3. Alat muzik dan tarian tradisional masyarakat Malaysia.
4. Jenis permainan tradisional masyarakat Malaysia.
5. Cerita rakyat berunsur tempatan dalam masyarakat di Malaysia.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Menerangkan perubahan dan kesinambungan petempatan serta kegiatan ekonomi masyarakat Malaysia dahulu dan kini.
2. Mengembangkan kreativiti permainan tradisional.
3. Mencari persamaan alat muzik tradisional antara kaum di Malaysia.



Nilai Teras Sivik

- Kegembiraan
- Hormat-menghormati





Kepelbagaian Kaum di Malaysia

Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang berbeza dari segi keturunan, agama dan kebudayaan. Antara kaum yang terdapat di Malaysia termasuklah Melayu, Cina, India, Orang Asli, Iban, Melanau, Kadazandusun, Bidayuh, Bajau dan Iranun. Sebagai rakyat kita perlu menghargai keunikan ini demi kemakmuran bersama.



Melayu

- ☞ Mendiiami Alam Melayu dan bertutur menggunakan bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat Melayu serta beragama Islam.
- ☞ Kaum Melayu juga dikenali melalui pakaian tradisional, iaitu baju kurung bagi perempuan dan baju Melayu bagi lelaki.

Cina

- ☞ Kebanyakan kaum Cina bertutur menggunakan bahasa Mandarin, di samping dialek lain antaranya Hokkien, Hakka dan Kantonis.
- ☞ Kaum Cina juga dikenali melalui pakaian tradisional, iaitu ceongsam bagi perempuan yang biasanya diperbuat daripada kain lembut seperti sutera, manakala pakaian bagi lelaki ialah changsan.



India

- ☞ Kebanyakan kaum India bertutur menggunakan bahasa Tamil. Terdapat juga yang menggunakan bahasa Telugu dan Malayalam.
- ☞ Pakaian kaum India bagi perempuan ialah sari, manakala doti bagi lelaki.



Iban

- ☞ Merupakan kaum terbesar di Sarawak. Kaum ini bertutur dalam bahasa Iban apabila berkomunikasi.
- ☞ Pakaian yang mempunyai tenunan pua kumbu merupakan busana tradisional wanita Iban yang digayakan ketika perayaan Hari Gawai dan majlis perkahwinan. Baju lelaki Iban antaranya termasuklah baju burung dan kelambi.



AKTIVITI

Secara berpasangan, bincangkan sebab kita mesti menghargai keunikan budaya tempatan.

NOTA GURU

- ☞ Bimbing murid mengenal pasti identiti setiap kaum melalui pelbagai sumber.



Kadazandusun



- Merupakan kaum terbesar di Sabah. Kaum ini bertutur mengikut dialek sukuan masing-masing.
- Pakaian tradisional kaum ini yang unik juga berbeza-beza antara etnik. Pakaian ini biasanya digayakan ketika majlis rasmi seperti majlis perkahwinan dan semasa sambutan Pesta Kaamatan.



Orang Asli

- Di Semenanjung Malaysia, Orang Asli terbahagi kepada tiga kumpulan terbesar, iaitu Negrito (Semang), Senoi dan Melayu Proto.
- Keistimewaan mereka terletak pada pengekalan ciri tradisional seperti kemahiran kraf tangan, penghasilan ubat-ubatan herba dan penggunaan bahasa mengikut suku.

Baba dan Nyonya

- Di Melaka, kaum ini wujud hasil perkahwinan pedagang dari China dengan penduduk tempatan. Mereka menggelar diri sebagai "Baba" bagi lelaki, manakala perempuan disebut "Nyonya". Mereka bertutur menggunakan dialek Melayu Baba.
- Cara hidup, percakapan, adat dan tradisi serta makanan masyarakat ini banyak berasimilasi dengan budaya tempatan. Pakaian tradisional mereka ialah kebaya bersulam dan berkain batik sarung.



Muzium Seni Kraf Orang Asli.

Muzium Seni Kraf Orang Asli terletak di Jalan Damansara, Kuala Lumpur. Muzium ini dapat membantu kita mengekalkan warisan budaya kesenian masyarakat Orang Asli.

Arahan:

- Murid dibahagikan kepada empat kumpulan untuk membuat dan menyiapkan kajian yang berikut:
 - Latar belakang suku kaum Orang Asli dan demografinya.
 - Kediaman dan kegiatan harian.
 - Alat muzik dan perhiasan pakaian.
 - Kepercayaan dan kematian.
- Selepas lawatan, setiap kumpulan dikehendaki membentangkan dapatan masing-masing.



Sumber: Tan Chee-Beng, 2021. *The Baba of Melaka*. Selangor: SIRD.



Chetti

- Kaum Chetti wujud hasil perkahwinan pedagang India dengan penduduk tempatan. Kebanyakan mereka berada di Melaka. Bahasa pertuturan mereka ialah bahasa Melayu kreol.
- Pakaian tradisional kaum ini ialah kebaya bersulam dan berkain batik sarung yang dipakai ketika mengadakan pesta keramaian.

Sikh

- Bahasa Punjabi ialah bahasa ibunda masyarakat Sikh.
- Pakaian lelaki Sikh ialah baju panjang hingga lutut bersama-sama seluar (tahmat/tamba) dan sarban. Wanita Sikh pula memakai salwar kameez, iaitu pakaian yang dipakai bersama-sama dupatta atau selendang.



Siam

- Petempatan kaum ini bertumpu di Kedah, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.
- Mereka bertutur menggunakan bahasa Siam dan Melayu. Kaum ini menyambut perayaan Songkran pada tahun baharu mereka dan mengenakan pakaian tradisional semasa menghadiri upacara keagamaan di wat.

Serani

- Kaum Serani juga dikenali sebagai orang Eurasia hasil perkahwinan campur orang Portugis dengan penduduk tempatan. Mereka menggunakan bahasa Kristang dan bahasa Inggeris.
- Kaum ini mempunyai bahasa, adat resam dan muzik yang unik. Tarian yang paling popular ialah branyo dan trapeirra.



PAK-21 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Dengan menggunakan sumber Internet yang sahih, setiap kumpulan diminta mencari maklumat tentang keunikan kaum-kaum lain di Malaysia.
3. Murid membentangkan hasil dapatan.



GLOSARI

Kreol bermaksud bahasa yang terbentuk daripada campuran dua bahasa yang berlainan.

Kaum Lain di Sarawak

- Di Sarawak terdapat pelbagai kaum, antaranya termasuklah Melayu, Bidayuh, Kenyah, Kelabit, Melanau, Bisaya, Kedayan, Kayan, Penan dan Lun Bawang.
- Keunikan masyarakat yang pelbagai kaum ini jelas dilihat melalui perbezaan bahasa, agama, kepercayaan, pakaian tradisional dan budaya masing-masing.



Melayu



Kenyah



Melanau



Bidayuh

Kaum Lain di Sabah

- Di Sabah juga terdapat pelbagai kaum, antaranya termasuklah Bajau, Bisaya, Murut, Kedayan, Iranun, Rungus, Suluk, Melayu Brunei dan Orang Sungai.
- Mereka juga unik dari segi bahasa, agama dan budaya.



Murut



Rungus



Iranun



Bajau Samsa

Keunikan Malaysia terletak pada kewujudan pelbagai kaum yang hidup bertoleransi. Mengetahui, mempelajari dan berkongsi maklumat tentang pelbagai kaum mampu melahirkan masyarakat yang cinta akan tanah air.

Mengapakah bertoleransi antara kaum dikatakan asas perpaduan?



91.1.1
K31.1.6
K31.1.6

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepentingan menghargai keunikan budaya tempatan dan berkongsi maklumat tentang kepelbagaian kaum di Malaysia.



Petempatan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Malaysia Dahulu dan Kini

Malaysia Makmur



Dahulu

Malaysia mempunyai bentuk muka bumi yang sesuai untuk petempatan penduduknya. Hasil sumber alam yang banyak menyebabkan muncul pelbagai kegiatan ekonomi. Sebelum merdeka, petempatan penduduk berdasarkan kegiatan ekonomi yang berbeza atau pekerjaan masing-masing.

Masyarakat Melayu

- Tinggal di kampung, persisiran pantai dan sungai.
- Bekerja sebagai petani, nelayan, peniaga kecil-kecilan dan terlibat dalam perkhidmatan awam.

Masyarakat Cina

- Tinggal di pekan dan bandar.
- Bekerja sebagai pelombong dan peniaga.

Masyarakat India

- Tinggal di kawasan ladang dan di pinggir bandar.
- Bekerja di ladang, peniaga kecil-kecilan dan pekerja pelabuhan.

Masyarakat Orang Asli

- Tinggal di pedalaman, terutama di Perak, Selangor, Pahang, Kelantan dan Terengganu.
- Mengusahakan kegiatan kraf tangan, berburu dan mengutip hasil hutan.



Aktiviti menangkap ikan



Kilang memproses getah

Kaum di Sarawak

- Kaum Bidayuh, Kenyah dan Kelabit tinggal di kawasan pedalaman dan mengusahakan padi sawah, padi bukit serta mengutip hasil hutan.
- Kaum Iban dan Bisaya tinggal berhampiran dengan lembah sungai dan menjadi petani.
- Kaum Melayu, Melanau dan Kedayan tinggal di kawasan persisiran pantai dan bekerja sebagai pedagang, pembuat perahu dan pengusaha sagu.

Kaum di Sabah

- Kaum Murut tinggal di pedalaman dan bekerja sebagai petani serta mengutip hasil hutan.
- Kebanyakan kaum Kadazandusun dan Rungus tinggal di pedalaman. Kaum Kadazandusun mengusahakan padi, manakala kaum Rungus terkenal dalam seni perusahaan kreatif.
- Kaum Bajau pula bekerja sebagai petani atau nelayan.
- Kaum Melayu Brunei, Iranun dan Suluk tinggal di kawasan persisiran pantai dan bekerja sebagai nelayan, pembuat perahu serta pedagang.

Kini

Setelah merdeka dan pembentukan Malaysia, negara kita semakin makmur. Pemimpin merancang pelbagai dasar untuk pembangunan negara.

Usaha menangani kegiatan ekonomi berasaskan kaum menampakkan kejayaan. Sikap toleransi berjaya diterapkan dalam masyarakat sehingga mereka mampu bekerja bersama-sama dan tinggal dalam satu kawasan perumahan.



Sikap masyarakat yang mementingkan kesejahteraan negara melebihi kepentingan diri berjaya membentuk Malaysia yang bersatu padu. Kemakmuran ekonomi yang dikecapi membolehkan rakyat Malaysia hidup bersama dan aman tanpa pemisahan tempat tinggal.



11.1.2
K11.1.6

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami petempatan dan kegiatan ekonomi masyarakat Malaysia dahulu dan kini



Alat Muzik dan Tarian Tradisional dalam Masyarakat Malaysia

Alat muzik dan tarian merupakan seni yang wujud berabad-abad lamanya. Kaum-kaum di negara kita mempunyai alat muzik dan tarian yang unik serta menarik. Warisan ini membentuk identiti negara kita yang tersendiri. Terdapat alat muzik dan tarian di negara kita yang dipengaruhi oleh unsur dari Timur Tengah, China, India dan Alam Melayu.

Alat Muzik

Kebanyakan alat muzik ini menunjukkan kebijaksanaan penciptanya kerana menggunakan sumber alam dan bahan semula jadi seperti kulit haiwan, tumbuh-tumbuhan serta bahan galian.



Angklung

Angklung diperbuat daripada buluh yang diikat pada rangka yang disebut ancah.



Gambus

Gambus diperbuat daripada jenis kayu keras seperti kayu pokok nangka.



Nafiri

Nafiri diperbuat daripada logam, lazimnya perak. Bahagian serombong nafiri agak leper dan diukir motif bunga.



Geduk

Geduk merupakan sejenis gendang dua muka. Kedua-dua mukanya diperbuat daripada belulang lembu atau kerbau yang dipasak dengan kayu nibung.



AKTIVITI

Cipta alat muzik yang diperbuat daripada bahan terpakai seperti straw dan tin serta sumber alam seperti daun pisang, daun kelapa dan batang padi.

Sumber: Nik Mustapha Nik Mohd Salleh, 2009. *Alat Muzik Tradisional dalam Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali alat muzik mengikut kaum di Malaysia.



Mengapakah kita perlu menghargai keunikan alat muzik dalam budaya tempatan?

Masyarakat Cina



Gendang

Gendang ini berfungsi apabila diketuk dengan menggunakan dua pemukul. Badannya diperbuat daripada kayu keras.



Bo

Bo juga dikenali sebagai po yang berupa sepasang piring bulat yang rata. Biasanya bo diperbuat daripada kepingan gangsa.



Liu Qin

Liu qin merupakan alat muzik bertali. Pemetiknya diperbuat daripada tanduk atau plastik.



Seruling

Seruling atau zhudi merupakan alat yang diperbuat daripada sebatang buluh. Badannya mempunyai lapan lubang yang akan menghasilkan bunyi.

Masyarakat India



Pullangkulal

Pullangkulal diperbuat daripada buluh. Semasa ditiup akan menghasilkan bunyi apabila jari menutup dan membuka lubang pada buluh tersebut.



Talam

Talam diperbuat daripada logam gangsa. Talam mengeluarkan bunyi apabila dilagakan.



Mattalam

Mattalam ialah gendang dua muka yang ditutupi dengan kulit kambing. Badannya diperbuat daripada kayu dan diikat dengan tali.



Veenai

Veenai diperbuat daripada kayu keras dan mempunyai ukiran pada seluruh badannya. Veenai mempunyai tujuh tali logam yang menghasilkan bunyi ketika dipetik.

Sumber: Pertubuhan Kesenian dan Kebudayaan India Malaysia.

Masyarakat Sarawak



Sape

Sape banyak dimainkan oleh kaum Kayan, Kelabit dan Kenyah. Sape diperbuat daripada kayu meranti dengan dipasang tali bagi menghasilkan bunyi apabila dipetik.



Engkerurai

Engkerurai terkenal dalam kalangan kaum Iban. Alat muzik ini diperbuat daripada batang buluh yang dipasang pada buah labu kering.



Engkerumong

Engkerumong terkenal dalam kalangan kaum Iban, Bidayuh dan Melanau. Alat muzik ini tergolong dalam keluarga gong yang diperbuat daripada gangsa.



Gendang

Gendang satu muka ini dikenali sebagai ketebong oleh kaum Iban. Gendang ini diperbuat daripada kayu belian dan tapang. Bahagian mukanya ditutupi dengan kulit kambing atau kulit kijang.

Masyarakat Sabah



Kulintangan

Kulintangan merupakan sekumpulan gong kecil yang diperbuat daripada logam. Alat muzik ini banyak dimainkan oleh kaum Bajau dan Kadazandusun.



Sompoton

Sompoton terkenal dalam kalangan kaum Kadazandusun. Sompoton diperbuat daripada buluh yang dilekatkan dengan lilin kelulut pada labu kering.



Tongkungan

Tongkungan terkenal dalam kalangan kaum Kadazandusun. Alat muzik ini diperbuat daripada buluh poring yang berbuku di kedua-dua hujungnya.



Tontog

Tontog merupakan gendang bujur yang diperbuat daripada batang pokok merbau. Alat muzik ini banyak terdapat dalam kalangan kaum Rungus. Alat muzik ini juga dikenali dengan nama yang berbeza mengikut kaum.

Alat-alat muzik tradisional yang dimainkan oleh pelbagai kaum di negara kita berjaya melahirkan warisan seni muzik yang menarik. Sebagai generasi yang akan mewarisi negara, kita wajarlah menghargai keunikan alat muzik yang terdapat di negara kita.

Tarian Tradisional

Masyarakat di Malaysia juga mempunyai pelbagai tarian tradisional. Gerak seni tari yang dipersembahkan oleh setiap kaum mempunyai maksud dan tujuan tertentu.



Tarian Makyung

- Merupakan seni drama yang menggabungkan unsur lakonan, tarian, muzik dan nyanyian.
- Alat muzik yang mengiringi makyung ialah tawak, gong, gendang ibu dan gendang anak, canang, kesi, serunai serta rebab.
- Dahulu, makyung dipertontonkan kepada khalayak ramai di istana dan dalam majlis rasmi negara.

Tarian Zapin

- Dahulunya, tarian ini ditarikan oleh kaum lelaki. Namun begitu, kini turut ditarikan secara berpasangan oleh lelaki dan wanita.
- Alat muzik utama yang mengiringi tarian ini ialah gambus, gendang, rebana dan marakas.
- Zapin ditarikan bertujuan untuk hiburan semasa pesta dan majlis perkahwinan.



Tarian Singa

- Tarian ini dipersembahkan antaranya untuk merayakan Tahun Baharu Cina, pembukaan kedai baharu serta majlis menyambut tetamu kehormat.
- Antara alat muzik yang mengiringinya termasuklah bo, gendang besar dan gong.
- Tarian ini ditarikan sebagai lambang keharmonian, keamanan dan kebahagiaan.



Tarian Bharata Natyam

- Tarian ini ditarikan oleh masyarakat India sejak zaman dahulu.
- Tarian ini berkaitan dengan alam semesta yang dizahirkan melalui gerak tubuh yang membawa maksud tertentu.
- Tarian Bharata Natyam ditarikan sebagai pembuka tirai dalam persembahan kebudayaan masyarakat India.



Sumber: Pertubuhan Kesenian dan Kebudayaan India Malaysia.

Tarian Ngajat

- Tarian ini dipercayai untuk mengajar kaum Iban di Sarawak cara-cara berperang pada masa dahulu serta untuk tujuan persembahan hiburan dan upacara ritual.
- Alat muzik yang mengiringinya ialah bebendai, ketebong, engkerumong dan tawak.
- Tarian ini dipersembahkan sebagai hiburan semasa perayaan Hari Gawai dan juga untuk upacara ritual.



Sumber: Rohana Sali dan Mohamed Roselan Malek, 1995. *Tarian Tradisional*. Selangor: Penerbitan Prisma Sdn. Bhd.



AKTIVITI

Simulasi

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki mencari maklumat tentang tarian tradisional di Malaysia.
3. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, setiap kumpulan dikehendaki mempersembahkan tarian tersebut dan menjelaskan keistimewaannya.
4. Akhir sekali, murid diminta menghuraikan kepentingan perkongsian maklumat tentang kepelbagaian kaum di Malaysia.



Tarian Sumazau

- Tarian ini ditarikan oleh kaum Kadazandusun di Sabah. Tarian ini dikenali sebagai sumazau oleh kaum Kadazan dan sumayau oleh kaum Dusun.
- Alat muzik utama yang mengiringi tarian ini ialah gong.
- Tarian ini dipersembahkan bagi menghormati semangat padi. Tarian ini juga diadakan semasa Pesta Kaamatan.



Tarian Sewang

- Tarian ini menjadi identiti masyarakat Orang Asli. Penari sewang akan menghiasi diri mereka dengan selempang daripada bunga-bunga, daun kelapa, daun palas, daun nipah dan kulit kayu.
- Alat muzik yang digunakan ialah buluh centong, gendang, kereb, pensol dan tetawak.
- Tarian ini bertujuan untuk upacara ritual, perubatan dan majlis keramaian.



Tarian Bhangra

- Tarian ini ditarikan oleh masyarakat Sikh.
- Alat muzik utama ialah dram dhol kayu besar, harmonika dan tamborin.
- Tarian bhangra dipersembahkan dalam majlis keluarga dan keramaian.



Pada masa ini, tarian tradisional berjaya menyuntik semangat muhibah dalam kalangan masyarakat Malaysia. Generasi masa ini wajar berasa bangga akan keunikan budaya tempatan dan berusaha untuk memperkenalkan warisan ini bagi mengharumkan nama negara di persada dunia.



NOTA GURU

- Bantu murid mengenali setiap alat muzik dan tarian masyarakat di Malaysia.



Permainan Tradisional Masyarakat Malaysia

Permainan tradisional terdiri daripada permainan anjung, permainan laman dan permainan kawasan lapang. Permainan ini dimainkan oleh golongan kanak-kanak dan dewasa secara individu atau berkumpulan. Permainan tradisional mampu memupuk nilai kerjasama, kreativiti dan persaingan sihat dalam masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Terdapat permainan tradisional di negara kita yang dipengaruhi oleh unsur dari Timur Tengah, China, India dan Alam Melayu.

Permainan Anjung

Congkak

- Permainan berpasangan yang memerlukan pemain mengisi "buah" (guli) ke dalam deretan lubang pada sekeping papan yang dinamakan papan congkak.
- Dahulu, lubang congkak dibuat di atas tanah dan buah congkak diambil daripada biji getah atau batu kecil.



Batu Seremban

- Permainan ini melibatkan sekurang-kurangnya dua orang pemain dan biasanya dimainkan oleh golongan perempuan. Alat yang digunakan dalam permainan ini ialah lima atau tujuh biji batu kecil.
- Kesemua batu diletakkan di atas tapak tangan dan dilambung ke udara, kemudian disambut dengan tapak tangan. Jumlah batu yang disambut akan ditimbang di belakang tapak tangan dan dikira sebagai mata.
- Batu seremban juga dikenali sebagai selambut dan batu tujuh.



Go atau Weiqi

- Permainan berpapan dimainkan secara berpasangan dengan menggunakan buah hitam dan buah putih.
- Pemain akan mengatur strategi untuk menewaskan lawan dengan menguasai kawasan papan yang lebih besar daripada lawan.



Sumber: Syed Mahadzir, 2009. *Permainan Tradisi Rakyat* (Siri Khazanah Budaya). Kuala Lumpur: E1 Publication Sdn. Bhd.

Yoyo Cina atau Diabolo

- Permainan ini boleh dimainkan secara perseorangan.
- Memerlukan sebuah yoyo yang diikat pada tali dan dipegang pada kedua-dua batang kayu di tangan. Batang kayu ini membolehkan yoyo berputar pada tali dan mengelakkannya daripada jatuh. Pemain boleh beraksi dengan pelbagai gaya berdasarkan keahliannya.



Chaturangam

- Merupakan permainan seperti catur yang dimainkan oleh dua orang pemain. Permainan ini umpama simulasi peperangan bagi memperlihatkan kekuatan tentera.
- Kemenangan bergantung pada kejayaan menakluk lawan, terutamanya menewaskan raja.



Paramapadham

- Permainan ini seperti dam ular yang lazimnya dimainkan oleh dua orang hingga empat orang. Pemain akan bergerak mengikut angka buah dadu yang dilemparkan.
- Kemenangan bergantung pada pemain yang sampai ke bahagian penamat dengan pantas.



TAHUKAH ANDA?

Congkak, batu seremban, kabaddi, tating lawi, menyumpit, pistol buluh, sepak raga, ketinting, baling tin dan ketuk keli telah diangkat sebagai warisan kebangsaan negara.



IMBAS SAYA

Permainan tradisional

Permainan Laman



Sepak Raga

- Permainan ini telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kini, sepak raga dimainkan oleh semua kaum secara berkumpulan.
- Permainan ini bermula dengan salah seorang pemain melambung bola rotan kepada rakannya dengan menggunakan tangan. Rakannya akan menimang bola dengan menggunakan kakinya beberapa kali sebelum menendang ke arah pemain lain. Secara bergilir-gilir rakan akan menimang dan mengawal bola supaya tidak jatuh ke tanah.

Chap Teh

- Merupakan permainan tradisional masyarakat Cina. Masyarakat Melayu pula menyebutnya sebagai tating lawi. Kini, chap teh dimainkan oleh semua kaum.
- Pemain akan menatang bola lawi yang diperbuat daripada tiga atau empat helai bulu ayam yang diikat pada kepingan getah atau kertas tebal. Kemenangan dikira berdasarkan tatingan terbanyak.



Kabaddi

- Merupakan permainan laman bagi masyarakat India. Kabaddi dimainkan oleh dua pasukan dengan tujuh orang pemain setiap pasukan.
- Satu pasukan akan menghantar penyerang kepada pasukan lawan bagi menyentuh pihak lawan. Pemain yang berjaya disentuh akan tersingkir lalu memberikan markah kepada pihak lawan.



Permainan Kawasan Lapang

Wau

- Permainan wau lazimnya dimainkan selepas musim menuai. Wau dimainkan oleh dua orang, iaitu seorang memegang wau dan seorang lagi akan memegang tali.
- Apabila angin bertiup, tali akan ditarik melawan arus angin secara menghulur dan menarik tali sehingga wau terbang tinggi.



Tibau

- Permainan tibau dimainkan semasa Pesta Kaul oleh masyarakat Melanau, Sarawak.
- Tibau dibina daripada dua batang kayu yang membentuk piramid dan beberapa batang kayu yang disusun bertingkat-tingkat. Pada bahagian atas piramid terdapat untaian tali daripada rotan yang akan diayun seperti buaian. Pemain akan bergilir-gilir melompat ke atas tibau sehingga tidak berayun lagi.



Sepak Manggis

- Permainan ini kerap dimainkan ketika majlis keramaian, terutama di Kota Belud, Sabah.
- Bungkus hadiah digantung pada tiang tinggi. Peserta akan cuba menendang bola raga pada hadiah tersebut. Peserta yang berjaya menyepak bola sehingga terkena hadiah tersebut dianggap pemenang. Hadiah berupa wang, makanan atau barangan yang menarik.



Gasing

- Terdapat dua cara bermain gasing, iaitu gasing uri dan gasing pangkah.
- Dalam permainan gasing, terdapat beberapa langkah, iaitu melilit gasing, memusing gasing, memangkah dan mengangkat gasing. Permainan ini menguji kemahiran pemain memusing gasing supaya berputar dalam jangka masa yang lama.



Kebijaksanaan dan kreativiti masyarakat kita jelas digambarkan melalui pelbagai permainan tradisional. Semangat toleransi dan perpaduan yang dipupuk mampu membentuk warga Malaysia yang menghargai keunikan budaya tempatan.



11.1.4
KS1.1.6

NOTA GURU

- Bantu murid mengenali permainan tradisional dalam masyarakat di Malaysia.



Cerita Rakyat Berunsur Tempatan dalam Masyarakat Malaysia

Cerita rakyat merupakan cerita yang wujud dan berkembang dalam masyarakat pada zaman dahulu. Cerita ini disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi secara lisan. Cerita ini tiada pemilik khusus tetapi dimiliki bersama. Kita akan mendapat nasihat dan pengajaran serta hiburan melalui cerita rakyat.

Pada hari ini, nenek akan bercerita tentang kisah Si Luncai dengan Labu-labunya. Nenek juga akan menceritakan kepada kamu legenda Nunuk Ragang di Sabah serta legenda Santubong Sang Puteri di Sarawak.

Setahu saya cerita rakyat terdiri daripada pelbagai jenis seperti legenda, mitos, cerita asal usul, cerita jenaka, cerita binatang dan cerita hikayat.

Betul Damia. Cepatlah nenek, kami tidak sabar hendak mendengarnya.

Apakah faedah kita mendengar cerita rakyat?

CEPAT JAWAB

Apakah maksud cerita rakyat?

Si Luncai dengan Labu-labunya



1 Kisah Si Luncai bermula apabila dia dijatuhi hukuman oleh raja kerana memperlmain-mainkan raja serta pembesar.



2 Pesuruh raja bertindak memasukkan Si Luncai ke dalam guni dan diletakkan di dalam perahu menuju ke tengah laut. Dari dalam guni, Si Luncai dapat melihat beberapa biji labu air di dalam perahu tersebut.



3 Setelah lama pesuruh raja berkayuh, maka berkatalah Si Luncai "Kasihlah benar aku melihat kamu berkayuh, mahukah jika aku ajarkan lagu untuk menghilangkan kepenatan kamu semua?" Ajakannya ditolak, namun Luncai mulai menyanyi. "Si Luncai terjun dengan labu-labunya. Biarkan! Biarkan!" Pesuruh raja dan beberapa orang lagi tertarik dengan lagu tersebut dan mereka mulai menyanyi. "Si Luncai terjun dengan labu-labunya" "Biarkan! Biarkan!" Demikian lagu tersebut dinyanyikan berulang kali sehingga mereka leka.



4 Melihat kelekaan mereka, Si Luncai keluar dari dalam guni dan mengisi beberapa biji labu ke dalam guni itu. Kemudian, dua biji lagi diambil lalu dia terjun dari perahu dan berenang menggunakan labu air tersebut. Apabila sampai ke tengah laut, pesuruh raja mencampakkan guni berisi labu yang disangkanya Si Luncai tanpa menyedari Si Luncai telah selamat sampai ke pantai.

Sumber: Othman Puteh dan Aripin Said, 2010. *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.



AKTIVITI Kajian Teks


Baca cerita di atas.

1. Apakah kelebihan yang ada pada Si Luncai?
2. Nyatakan peribahasa yang sesuai dengan sikap Si Luncai.
3. Jelaskan pengajaran daripada cerita ini.

Di Sarawak, terdapat kisah legenda Santubong Sang Puteri.



Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang berasal dari kayangan dan diturunkan ke bumi untuk mendamaikan dua buah kampung yang berjiran, iaitu Pasir Kuning dan Pasir Putih. Mereka dikenakan syarat tidak boleh bergaduh sesama sendiri dan akan menerima padah jika melanggar syarat ini.



Puteri Santubong pandai menenun kain, manakala Puteri Sejinjang mahir menumbuk padi. Mereka berjaya memakmurkan kampung tersebut.



CEPAT JAWAB

Apakah kemahiran Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang?

Sumber: Othman Puteh dan Aripin Said, 2010. *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Pada masa yang sama, kedua-dua orang puteri ini menyukai pemuda yang sama, iaitu Putera Serapi dari Matang. Perkara ini menimbulkan pertelingkahan antara mereka. Kedua-dua puteri ini tidak mahu mengalah. Puteri Sejinjang terus bertindak dengan mengayun antannya dan terkena pipi Puteri Santubong. Puteri Santubong pula membalas dengan menikam batang belidah dan terkena kepala Puteri Sejinjang.



Akibat melanggar sumpah, berlaku kilat sabung-menyabung dan guruh berdentum. Serentak dengan itu, muncul cahaya di langit dan kedua-dua orang puteri kayangan bertukar menjadi gunung.



Pukulan antan yang terkena Puteri Santubong menyebabkan Gunung Santubong menjadi sumbing atau pecah sebelah. Tikaman batang belidah pula menyebabkan kepala Puteri Sejinjang pecah dan bertaburan menjadi Pulau Kera, Pulau Satang dan Pulau Talang-talang.




PAK-21 Bulatan Masa (Circle Time)

1. Murid-murid berada di dalam bulatan.
2. Dalam masa seminit, sebiji bola dihulur daripada seorang kepada seorang yang lain secara bergilir-gilir.
3. Selepas seminit, murid yang terakhir memegang bola tersebut dikehendaki memberikan maklumat tentang sebuah cerita rakyat yang diketahuinya. Permainan diteruskan selepas cerita pertama tamat.

Di Sabah, terdapat kisah legenda Nunuk Ragang.

Legenda Nunuk Ragang menceritakan kemunculan pelbagai kaum di Tambunan dan Ranau, Sabah. Cerita ini bermula dengan kehidupan masyarakat di Sungai Liwagu yang berehat di bawah pohon nunuk. Suatu hari, seekor ayam gergasi berwarna merah dan bertaji emas telah datang ke tempat mereka.



Penduduk kampung itu beramai-ramai menaiki sayapnya dan terbang bersama-samanya.



Di mana-mana ayam itu mengibarkan sayapnya, di situlah orang kampung akan jatuh dan membina petempatan. Akhirnya, mereka terpisah dan mulai membina dialek masing-masing.

Sumber: Jacqueline Pugh-Kitingan dan Clifford Sather. "Storytelling in Sabah and Sarawak" dlm. Ghulam-Sarwar Yousof, 2004. *Performing Arts: Encyclopedia of Malaysia*. Kuala Lumpur: Didier Millet.



GLOSARI

Nunuk ragang bermaksud sejenis pokok kayu ara merah.

Kehebatan cerita rakyat menggambarkan kepelbagaian budaya yang terdapat di negara kita. Warisan cerita rakyat perlu dipertahankan demi generasi akan datang.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami contoh cerita rakyat dan mengambil iktibar daripadanya.





IMBAS KEMBALI

1

Kepelbagaian Kaum di Malaysia:

- Melayu
- Cina
- India
- Iban
- Kadazandusun
- Orang Asli
- Baba dan Nyonya
- Chetti
- Sikh
- Siam
- Serani
- Kaum Lain di Sarawak
- Kaum Lain di Sabah

2

Petempatan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Malaysia Dahulu dan Kini:

- Dahulu – petempatan dan kegiatan ekonomi berbeza mengikut kaum.
- Kini – tidak berlaku pengasingan petempatan mengikut kegiatan ekonomi.

3

Alat Muzik dan Tarian Tradisional dalam Masyarakat Malaysia:

• **Alat Muzik**

- Masyarakat Melayu (angklung, gambus, nafiri, geduk)
- Masyarakat Cina (gendang, bo, liu qin, seruling)
- Masyarakat India (pullangkulal, talam, mattalam, veenai)
- Masyarakat Sarawak (sape, engkerurai, engkerumong, gendang)
- Masyarakat Sabah (kulintangan, sompoton, tongkungan, tontog)

- **Tarian tradisional** terdiri daripada tarian makyung, tarian zapin, tarian singa, tarian bharata natyam, tarian ngajat, tarian sumazau, tarian sewang dan tarian bhanga.

4

Permainan Tradisional Masyarakat Malaysia:

- Permainan Anjung
- Permainan Laman
- Permainan Kawasan Lapang

5

Cerita Rakyat Berunsur Tempatan dalam Masyarakat Malaysia, contohnya:

- Si Luncai dengan Labu-labunya
- Legenda Santubong Sang Puteri
- Legenda Nunuk Ragang

Unit ini membincangkan keunikan kaum di negara kita yang dapat dilihat dari segi pekerjaan, petempatan, alat muzik, tarian, permainan dan cerita rakyat. Pemahaman unit ini mampu mewujudkan sikap saling menghormati antara kaum dan mengeratkan perpaduan. Unit seterusnya akan membincangkan keunikan penduduk pelbagai kaum dari segi agama dan kepercayaan di negara kita.



FIKIR DAN JAWAB

A Berdasarkan gambar di bawah, jawab soalan yang berikut:



(i)



(ii)



(iii)



(iv)

1. Namakan permainan tradisional dalam gambar di atas.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

2. Cadangkan cara untuk mengekalkan permainan tradisional kepada generasi akan datang.



B Gambar menunjukkan tarian tradisional di negara kita.

1. Namakan tarian tersebut.

2. Bersama-sama rakan anda, pelajari teknik tarian ini mengikut langkahnya.

3. Apakah tarian tradisional lain yang anda ketahui di negara kita?



IMBAS SAYA
Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Keunikan kepelbagaian kaum di Malaysia dapat dilihat melalui perbezaan alat muzik, tarian, permainan dan cerita rakyat. Keunikan ini mendorong kita supaya lebih menghormati budaya dan adat semua kaum di negara kita.



Diri

Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu mengenali dan menghormati adat serta budaya kaum lain.

Masyarakat

Menghormati adat dan budaya kaum lain akan melahirkan masyarakat yang berakhlak dan bermoral tinggi.

PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN PERINGKAT SEKOLAH



Negara

Warganegara yang berakhlak dan bermoral mampu menjulang nama negara agar dihormati oleh masyarakat dunia.